

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
30 JULAI 2013**

**1. PENUTUPAN KAUNTER BERPUSAT PADA 10 & 11 OGOS 2013
(SABTU & AHAD) SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDIL FITRI**

Dimaklumkan, sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba, Kaunter Berpusat akan ditutup pada 10 & 11 Ogos 2013 (Sabtu & Ahad). Kepada semua pelanggan dan stakeholders yang berhasrat untuk membuat bayaran cukai taksiran, bayaran boleh dibuat secara *online* melalui Laman Web MPSP di <http://www.mpsp.gov.my>. Perkhidmatan Kaunter Berpusat akan dibuka semula pada 12 Ogos 2013 (Isnin).

**2. KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT NEGERI PULAU
PINANG**

Dimaklumkan bahawa Hari Kemerdekaan Malaysia Kali Ke-56 akan disambut di seluruh negara tidak lama lagi. Sehubungan itu, adalah diharapkan semua warga Seberang Perai terutama pemilik premis perniagaan dapat menghias premis, kediaman, bangunan dan kawasan dengan mengibarkan Jalur Gemilang serta memasang lampu-lampu hiasan berwarna-warni pada waktu malam sepanjang perayaan ini. Kempen Kibar Jalur Gemilang ini bermula pada 16 Ogos 2013 sehingga 16 September 2013 yang merupakan Hari Malaysia. Kerjasama

daripada semua pihak, menjayakan Kempen Kibar Jalur Gemilang didahului dengan ucapan terima kasih.

3. SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN

Dimaklumkan bahawa pada 31 Ogos 2013 (Sabtu) adalah Hari Kemerdekaan dan merupakan Hari Kelepasan Am. Perarakan Hari Kemerdekaan pada tahun ini akan diadakan di sebelah Seberang Perai. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-56 kepada semua warga Seberang Perai. Marilah bersama – sama kita menghargai keamanan dan keharmonian yang kita kecapai sekarang.

4. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Sukacita di sini, saya ingin memaklumkan bahawa Program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tugu, Mak Mandin pada hari Ahad 18 Ogos 2013. Manakala Program Senamrobik di Padang Awam Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada hari Ahad, 25 Ogos 2013. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti sihat kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

5. SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI

Dimaklumkan bahawa pada hari Khamis, 8 dan 9 Ogos 2013 adalah Hari Raya Aidilfitri. Justeru saya ingin mengambil kesempatan ini

mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada kepada seluruh umat Islam di Pulau Pinang.

6. JAMUAN RAYA MPSP

Sukacita dimaklumkan, MPSP akan mengadakan Jamuan Raya Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 19 Ogos 2013 (Isnin) bermula jam 10.00 pagi – 1.00 petang. Justeru, saya dengan berbesar hati ingin menjemput semua yang berada di dalam Dewan Kenanga ini untuk sama-sama hadir dan memeriahkan majlis tersebut.

7. JADUAL KUTIPAN SAMPAH DAN KERJA PEMBERSIHAN AM SEMPENA HARI RAYA AIDIL FITRI 2013

Adalah dimaklumkan bahawa jadual kutipan sampah dan kerja pembersihan am sempena Hari Raya Aidil Fitri 2013 adalah seperti ketetapan berikut;

1. Kerja Pembersihan Am (Kutipan sampah jalan utama)

Tarikh	Waktu
01 hingga 07 Ogos	7.00 pg - 4.00 ptg

2. Kerja Pembersihan Am (Kawasan perumahan / perniagaan)

Tarikh	Waktu	Catatan
07.08.13	7.00 pg – 4.00 ptg	
08.08.13	Cuti Hari Raya	

	Aidil Fitri	
09.08.13	7.00 pg – 4.00 ptg	
10.08.13	7.00 pg – 4.00 ptg	
11.08.13	7.00 pg – 4.00 ptg	Gantian cuti Hari Raya Aidil Fitri

3. Perkhidmatan Pelupusan Sampah

Tarikh	Waktu	Catatan
07.08.13 (Rabu)	7.00 pg – 4.00 ptg 5.00 ptg – 12.00 mlm	Jadual Biasa (A/C) Jadual Tambahan (kutipan dari tong CU dan RORO)
08.08.13 (Khamis)	2.00 ptg – 12.00 mlm	Jadual Biasa (B/C)
09.08.13 (Jumaat)	7.00 pg – 4.00 ptg	Jadual Biasa (A/C)
10.08.13 (Sabtu)	7.00 pg – 4.00 ptg	Jadual Biasa (B/C)
11.08.13 (Ahad)	7.00 pg – 4.00 ptg	Jadual C

Nota : Jadual A : Isnin , Rabu , Jumaat

Jadual B : Selasa , Khamis, Sabtu

Jadual C : Ahad

4. Senarai Pegawai Bertugas;

Penyalaras : PPKP Puan Rajeshwary a/p Subramany - 011-12192708

PARLIMEN	NAMA PEGAWAI	NO. TELEFON
Kepala Batas	Mohd Tahir Bin Othman	012-4740526
Tasek Gelugor	Mohd Sabri Mohd Sidek	012-4740535
Bagan	Kumar a/l Packiry	012-4740519
Permatang Pauh	Madhavan a/ Subermaniam	012-5274112
Bukit Mertajam	Murugiah a/l Muniandy	012-4984545
Batu Kawan	Sundram a/l Vegadason	019-4247689
Nibong Tebal	Ho Kun Thong	019-4528583

SEKIAN, TERIMA KASIH.